



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	10/12/2019	MUKA SURAT	:	42
JABATAN	:	PERHILITAN SPAN / SAMB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Adly Zahari

SAMB perlu selesai isu air dalam seminggu

Melaka: Kerajaan Melaka mengarahkan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) menyelesaikan segera masalah gangguan bekalan air di negeri itu dalam tempoh seminggu.

Ketua Menteri Adly Zahari, berkata penyelesaian isu itu perlu dilakukan segera kerana rakyat sudah tidak mahu mendengar alasan.

"Berhubung dengan isu air, untuk makluman semua saya sudah mengarahkan SAMB untuk menyelesaikan isu air ini dalam tempoh seminggu.

"Rakyat tidak mahu lagi mendengar sebarang alasan dikemukakan sebab itu saya mengarahkan SAMB supaya segera menyelesaikan isu air ini dalam tempoh seminggu," katanya menerusi kenyataan di Facebook, semalam.

Khamis lalu, SAMB menerusi kenyataan di Facebook memaklumkan sebanyak 44 kawasan di tiga daerah di negeri itu mengalami gangguan bekalan air berikutan purata hujan yang rendah di hulu Sungai Melaka sejak kebelakangan ini.

Syarikat pengurusan air negeri itu menjelaskan situasi berkenaan mengakibatkan paras air di kolam tadahan serta Sungai Melaka berada dalam keadaan yang tidak memuaskan.

Kawasan terjejas bagi daerah Melaka Tengah ialah Lorong Pandan, Kesidang, Kampung Lapan, Kota Laksamana, Semabok, Bachang, Batu Berendam, Taman Sayang Selasih, Limbongan, Klebang Besar, Ujong Pasir (dijangka), Kandang, Padang Temu, Bukit Godek, Taman Seri Duyong, Taman Sri Duyong Seksyen 1, 2 dan 3, Taman Desa Duyong, Permatang Pasir, Bukit Lintang dan Alai.

Daerah Jasin membabitkan Kampung Jus, Selandar, Kampung Bukit Senggeh, Felda Bukit Komeng, Felda Sri Kemendor, Felda Air Kangkung, Taman Sri Kemendor, Kampung Sri Kesang, Jalan Selandar Permai, Taman Jus Perdana, Taman Selandar Indah, Taman Pelangi, Taman Sri Selandar, Taman Selandar Murni, Kampung Baru Selandar, Taman Bukit Senggeh, Institut Latihan Perindustrian Selandar dan Kolej Komuniti.

BERNAMA